

17 NOV 1997

Petronas

PETRONAS BELUM DIHUBUNGI OLEH AMERIKA, KATA PRESIDENNYA

LANGKAWI, 17 Nov (Bernama) -- Presiden Petronas Tan Sri Hassan Marican hari ini buat pertama kali menyuarakan mengenai isu siasatan Amerika Syarikat terhadap pelaburan syarikat petroleum nasional itu di Iran.

Hassan berkata, Petronas belum lagi dihubungi oleh pihak berkuasa ataupun pegawai-pegawai Amerika berhubung perkara itu.

Hassan berkata, adalah terpulang kepada kerajaan sama ada untuk membenarkan Timbalan Penolong Setiausaha Negara Amerika Bagi Tenaga, Sekatan dan Komoditi, William Ramsay untuk menyiasat Petronas, kerana syarikat itu adalah milik kerajaan.

Ramsay yang sebelum ini dijangka tiba di sini esok, akan tiba pada Rabu.

"Tunggulah dulu, kita tengoklah," jawab Hassan apabila ditanya sama ada Petronas akan membenarkan pegawai-pegawai AS menjalankan siasatan terhadapnya.

Hassan merupakan antara pegawai-pegawai Malaysia yang mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perbincangan dengan Presiden Perancis Jacques Chirac di sini, hari ini.

Beliau berkata, kerja-kerja awal bagi projek gas South Pars di Iran bernilai AS\$2 bilion akan diteruskan walaupun bantahan daripada Amerika yang mendakwa projek itu bertentangan dengan Akta Sekatan Iran-Libya 1996.

Petronas yang melabur bersama Total SA dari Perancis dan Gazprom dari Russia dalam projek itu memegang ekuiti 30 peratus dan tidak mengiktiraf sekatan itu, kata Hassan.

"Kita dibenarkan berurusniaga dengan negara-negara yang kita mahu berurusniaga. Perniagaan kita akan diteruskan," kata beliau.

Hassan juga mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah menyatakan sokongan kepada syarikat petroleum kebangsaan itu. -- BERNAMA

ARA PR